

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN CHAN MING KAI
[ALOR SETAR]
TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 76

Y.B. TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada perniagaan di sempadan negara yang jual beli dengan penggunaan wang asing merupakan suatu kesalahan dan adakah amaran akan diberi sebelum didakwa di mahkamah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyelesaian antara peniaga pemastautin dan pembeli bukan pemastautin bagi tujuan jual beli barangan dan perkhidmatan termasuk di kawasan sempadan negara boleh dilaksanakan dalam mata wang ringgit dan juga mata wang asing. Sebagai contoh di Padang Besar (sempadan Malaysia-Thailand), pelancong dari Thailand boleh menggunakan mata wang asing atau Ringgit Malaysia untuk membeli barangan dan perkhidmatan yang dijual oleh peniaga dari Malaysia. Pembayaran dalam mata wang asing di antara pemastautin dan bukan pemastautin adalah dibenarkan di bawah peraturan pentadbiran pertukaran asing.

2. Bukan pemastautin boleh menukar mata wang asing ke Ringgit Malaysia sama ada dengan bank-bank tempatan berlesen atau entiti-entiti yang dilesenkan di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 [Akta 731].

Sekian, terima kasih.